

FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN SULH BERJAYA

- ❖ Kedua-dua pihak bersungguh sungguh untuk menyelesaikan tuntutan luar mahkamah;
- ❖ Kedua-dua pihak bersedia memberi, menerima dan bersedia untuk berunding;
- ❖ secara ikhlas dan terbuka bukannya secara emosi untuk membalas dendam;
- ❖ Kedua-dua pihak sedar bahawa penyelesaian adalah bagi kepentingan di masa hadapan; dan
- ❖ Kedua-dua pihak sedar kebaikan dan keburukan sekiranya kes dibicarakan.

FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN SULH GAGAL

- ❖ Salah satu pihak atau kedua-duanya tidak ada keupayaan untuk membuat sebarang keputusan;
- ❖ Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada komitmen sebenar untuk menyelesaikan pertikaian ;
- ❖ Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada persediaan sewajarnya ;dan
- ❖ Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada maklumat untuk membuat keputusan.

ASAS PERLAKSANAAN

Firman Allah S.W.T yang bermaksud: "Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya" (Surah al-Hujrat: 9)
Firman Allah S.W.T yang bermaksud: "Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya nusyuz (kebencian) atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya) kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai berai)" (Surah an-Nisa': 128)
Sabda Nabi s.a.w yang bermaksud: "perdamaian (sulh) itu diharuskan (dalam urusan) di antara kaum Muslimin, kecuali sulh dalam hal mengharamkan sesuatu yang halal dan menghalalkan sesuatu yang haram" (Hadis Riwayat at-Tarmizi dan beliau menilainya Sahih-Kitab Subul as-salam)

PERUNTUKAN UNDANG – UNDANG

- Seksyen 99, Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004
- Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) (Negeri Pulau Pinang) 2006
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004

HUBUNGI KAMI

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

NO 3, JALAN BATU GANTUNG, 10450
GEORGETOWN, PULAU PINANG.
NO TELEFON : 04-830 7777
LAMAM WEB : jksnpp.penang.gov.my
EMEL : jksnpp@esyariah.gov.my



SULH



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

SULH, PERUNDINGAN (BIASA), HAKAM DAN TIMBANGTARA/PERBICARAAN

Sulh merupakan satu proses dimana pihak-pihak yang terlibat di dalam satu pertikaian terhadap satu atau beberapa tuntutan di mahkamah Syariah dipanggil dan dipertemukan di dalam satu majlis perundingan terpinpin secara rasmi.

a) Proses sulh adalah :

- i) mudah diadakan - dibuat atas kehendak bersama dan sukarela (bebas mengambil bahagian & bebas membuat keputusan);
- ii) perbincangan melihat kepada kepentingan dan keperluan pihak-pihak, menghasilkan penyelesaian secara damai;
- iii) rahsia antara pihak-pihak terkawal;
- iv) isu perbincangan adalah bertujuan menyelesaikan pertikaian dengan lebih cepat;
- v) pegawai sulh membantu dan mengawal perundingan tetapi pihak-pihak yang membuat keputusan; dan
- vi) proses tidak formal, fleksibel dan memerlukan penyertaan pihak-pihak bagi perbincangan sepenuhnya.

b) Perundingan (Biasa)

- i) Perbincangan tanpa pegawai sulh sukar mendapatkan keputusan;
- ii) tiada pihak yang mengawal / mengatur/ mengurus perundingan; dan
- iii) terdedah kepada pengaruh pihak-pihak yang tidak berkepentingan.

c) Hakam

Hakam adalah seorang penimbangtara yang diberi kuasa oleh pihak-pihak atau oleh mahkamah untuk menyelesaikan perkelahian (syiqaq) antara suami dan isteri.

d) Timbangtara dan perbicaraan

- i) bersifat bermusuhan (keterangan yang diberi untuk menegakkan hak masing-masing);
- ii) keputusan penimbangtara /hakim;
- iii) fokus masa lampau – apa yang telah berlaku;
- iv) proses formal – ada prosedur khas; dan
- v) penyertaan pihak adalah terhad sesuai prosedur yang ada.

KELEBIHAN-KELEBIHAN SULH

- ❖ Dapat menjimatkan kos dan masa pihak -pihak;
- ❖ Perundingan adalah bersifat terpinpin bukannya dominasi sebelah pihak ;
- ❖ Perundingan melihat kepentingan masa akan datang pihak-pihak bukannya mengungkit dan menyalahkan pihak lain ; dan
- ❖ Penyelesaian secara terbuka dan sukarela (keredhaan) bukannya melepaskan dendam.

TUNTUTAN DAN PERMOHONAN BOLEH MELALUI PROSES SULH

Antara tuntutan / permohonan yang boleh diselesaikan melalui kaedah Sulh adalah:

- a) Tuntutan kerana melanggar janji untuk berkahwin / pertunangan;
- b) Tuntutan-tuntutan berbangkit dari suatu perceraian seperti: (Muta'ah, Nafkah 'Iddah, Nafkah Tertunggak, Harta Sepencarian, Hutang Maskahwin dan hal-hal lain yang difikirkan munasabah);
- c) Tuntutan Hak Jagaan Anak (Hadhanah) dengan melihat kepentingan anak-anak tersebut dalam tempoh perkahwinan mahupun selepas perceraian; dan
- d) Tuntutan Nafkah Anak.